

30 DEC 1996

DR M: BAGAIMANA MITSUBISHI BOLEH TERUS BANTU PROTON

SHAH ALAM, 30 Dis (Bernama) -- Mitsubishi Motors Corporation dan Mitsubishi Corporation, rakan-rakan kongsi Jepun Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), boleh memainkan peranan dalam mengurangkan kos pengeluaran yang tinggi Proton dengan mengurangkan kos komponen-komponen yang dibekal mereka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Mitsubishi Motors Corporation juga boleh membeli balik keluaran yang dikeluarkan oleh Proton untuk kegunaannya sendiri.

Ini akan memberikan Proton jumlah bagi mencapai skala ekonomi dan memperolehi pendapatan tambahan, beliau memberitahu persidangan akhbar selepas merasmikan kereta Proton yang kesejuta di kilang Proton di sini hari ini.

"Mereka telah menyambut agak baik saranan ini," katanya apabila ditanya mengenai perkara itu.

Ditanya mengenai pasaran-pasaran asing Proton, katanya "Kita boleh lakukan lebih lagi... terdapat begitu banyak pasaran yang bertanya mengenai kemungkinan mengimport kereta-kereta Proton tetapi kita tidak mampu memenuhi permintaan mereka sebahagiannya kerana pengeluaran yang tidak mencukupi."

Beliau juga menafikan bahawa beliau pada masa lalu telah menyatakan pandangan berat terhadap pemindahan teknologi yang lambat oleh Mitsubishi: "Saya tidak kata yang saya agak kurang senang, anda (akhbar) yang suruh saya kata begitu. Saya cuma kata kita boleh lakukan lebih banyak lagi."

"Kita boleh lakukan lebih lagi dan Mitsubishi (Motors Corporation) sanggup juga membantu. Kita tahu bagaimana nak pujuk mereka memindahkan teknologi. Kita, bagaimanapun, tidak seharusnya semata-mata melihat ke Jepun sahaja tetapi juga melihat ke negara-negara lain."

Proton mempunyai kerjasama teknikal dengan Citroen, pembuat kereta Perancis, dan pada Oktober lalu memiliki kepentingan majoriti di dalam pengeluar kereta sport Britain, Lotus.

"Malahan sekiranya kita mempunyai sumber terbaik (teknologi), kita masih perlu melihat ke sana kerana akan terdapat teknologi berlainan yang boleh membantu kita," jelasnya.

Mengenai kereta Proton yang kesejuta, katanya ia adalah satu pencapaian yang membangga dan mengejutkan bagi Malaysia oleh kerana ia telah dicapai cuma dalam tempoh 11 tahun, ini adalah lebih cepat daripada yang dicapai oleh sesetengah pengeluar kereta di sebarang laut.

Ditanya mengenai dasar industri kereta Malaysia, Dr Mahathir berkata: "Kita perlu kaji sama ada satu hari nanti kita akan menghapuskan dasar ini. Kebanyakan negara mempunyai perlindungan mereka sendiri daripada segi halangan-halangan tarif atau bukan tarif. Selagi kita tidak boleh menembusi pasaran-pasaran lain dengan mudah, kita terpaksa melindungi pasaran kita sendiri.

Sebelum itu di dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata kereta yang kesejuta itu menunjukkan pengurusan dan para pekerja Proton mampu memperolehi teknologi baru secepat pihak lain di negara-negara maju.

Pengurusan dan para pekerja Proton, katanya, adalah merupakan contoh yang baik kepada industri-industri lain di negara ini kerana mereka telah bekerja keras untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam memperolehi teknologi.

Mengenai kereta yang dikeluarkan itu, katanya, ia mempunyai mutu yang selari dengan yang diimport kerana kereta nasional itu mampu menembusi

pasaran seperti United Kingdom dan Eropah yang terkenal kerana standard mereka yang tinggi. -- BERNAMA
AD OS MA